



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

IKLAN JAWATAN KOSONG



Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mempelawa Warganegara Malaysia (**keutamaan diberi kepada rakyat DYMM Sultan Selangor**) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan berikut :

Bil.	Skim Perkhidmatan	Klasifikasi Perkhidmatan	Gred	Taraf Lantikan	Kekosongan
1	Jurutera	Kejuruteraan	J41	Kontrak	1
2	Penolong Jurutera	Kejuruteraan	JA29	Kontrak	2
3	Penolong Pegawai Penerangan	Sosial	S29	Kontrak	1
4	Penolong Akauntan	Kewangan	W29	Kontrak	1
5	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	Pentadbiran dan Sokongan	N19	Kontrak	2
6	Pembantu Penguat kuasa	Keselamatan dan Pertahanan Awam	KP19	Kontrak	1
7	Pegawai Skim Perkhidmatan Singkat	Contract for Service	Setaraf SPM/Gred 19	Kontrak	5
Jumlah jawatan ditawarkan LUAS					13

SKIM PERKHIDMATAN : JURUTERA
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
 GRED JAWATAN/GAJI : J41
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (keutamaan kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan/atau Mekanikal) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred J41: RM2,529.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; dan
 (ii) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Arkitek Malaysia/Persatuan Arkitek Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
 (b) had umur pelantikan:
 (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG JURUTERA
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : JA29
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau
 (b) diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Pemeriksa Kereta Motor Gred AB19, AB22 dan AB26, Penjaga Jentera Elektrik dan Merinyu Tali Air adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred JA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
 (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 (b) had umur pelantikan:
 (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SOSIAL
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : S29
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 (b) Sijil Tinggi Agama Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred S29: RM1,493.00); atau
 (c) Diploma dalam bidang berkaitan (keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki Diploma Komunikasi dan Pengajian Media) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred S29: RM1,770.95)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penerangan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penerangan Gred S29, tertakluk

kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
 (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 (b) had umur pelantikan:
 (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG AKAUNTAN
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : W29
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpanan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 Certified Accounting Technician (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 (Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,510.92); atau
 (c) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred W29: RM1,776.08)
 (d) Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji Permulaan pada Gred W29: RM2001.68).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Akauntan Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
 (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 (b) had umur pelantikan:
 (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : N19
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,352.00	RM4003.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
 (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
 (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- (3) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
 (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 (b) had umur pelantikan:
 (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SKIM PERKHIDMATAN : PEMBANTU PEGAWAI PENERANGAN
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : KP19
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT OF SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,360.00	RM4,052.00	RM100.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 (b) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,360.00); atau
 (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,416.40); atau
 (d) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM1,472.80).
- (2) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 (a) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa berpaput;
 (b) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 (c) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

- (d) mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
 (e) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 (f) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 (g) diperiksa dan diperukui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(a), 1(c) atau 1(d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI SKIM PERKHIDMATAN SINGKAT
 KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : CONTRACT FOR SERVICE
 KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
 GRED JAWATAN/GAJI : SETARAF SPM/GRED 19
 TARAF LANTIKAN : KONTRAK (**CONTRACT FOR SERVICE**)
JADUAL GAJI

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,529.00	RM9,643.00	RM225.00

SYARAT LANTIKAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) **Lelaki sahaja.**
 (b) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dengan:
 (i) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu (1) peperiksaan; atau
 (ii) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
 (c) keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu Kelas B2/D yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] serta mempunyai kenderaan sendiri; dan
 (d) diperiksa dan diperukui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- (2) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TEMPOH PERKHIDMATAN

- (3) Tempoh minimum perkhidmatan yang ditawarkan Lembaga adalah selama satu (1) tahun (bermula dari tarikh lantikan).

PERINGATAN

- (1) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 (a) warganegara Malaysia;
 (b) belum tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
 (2) Bagi tujuan pelantikan ke perkhidmatan awam, calon yang memohon jawatan yang mensyaratkan kelayakan masuk SPM perlu memiliki sekurang-kurangnya keputusan berikut:
 (a) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus dalam satu peperiksaan; atau
 (b) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian dan selebihnya peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut;
 (c) memenuhi syarat kelayakan Bahasa Melayu iaitu Kepujian dan subjek-subjek tertentu mata pelajaran dalam skim perkhidmatan.
 (3) Calon yang memiliki Sijil SVM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana yang bersesuaian yang mensyaratkan SPM/SVM. Bagi tujuan memenuhi syarat lulus atau kepujian Bahasa Melayu untuk pelantikan ke Perkhidmatan Awam, calon hendaklah memperoleh pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) seperti berikut:

Syarat Kelulusan Bahasa Melayu Untuk Pelantikan Ke Perkhidmatan Awam	Syarat Pencapaian Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104)
Kepujian	Sekurang-kurangnya Gred 'C'
Lulus	Sekurang-kurangnya Gred 'E'

NOTA

Bagi anggota polis atau tentera yang memohon jawatan Pembantu Penguat kuasa Gred KP19, syarat-syarat di atas dikecualikan tetapi mengambil kira sekurang-kurangnya berpangkat **Konstabel atau Prebet** atau yang setaraf.

SYARAT PERMOHONAN

- (1) Permohonan hendaklah menggunakan borang Pindaan. LUAS 2/2007 berharga RM1.00 yang boleh diperolehi di Tingkat 13, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) sahaja.
 (2) Penetapan pelantikan pegawai Perkhidmatan Awam di pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut ;
 (a) Pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 (b) Ibu atau bapa pemohon lahir di Negeri Selangor atau,
 (c) pemohon tidak lahir di Negeri Selangor tetapi menetap di Negeri Selangor melebihi 15 tahun.
 Pembuktian bagi mana-mana syarat pada perenggan seperti maksud di atas hendaklah dikemukakan melalui dokumen yang sah di sisi undang-undang dan **beban pembuktian terletak sepenuhnya kepada tanggungjawab pemohon sendiri.**
 (3) Semua borang permohonan hendaklah diisi dengan lengkap dan disertakan salinan dokumen yang berikut (**keperluan pengesahan dokumen berkaitan tidak diperlukan**):
 (a) Salinan Kad Pengenalan.
 (b) Salinan Surat Beranak.
 (c) Salinan sijil PMR/SPM/SVM
 *mana-mana yang berkaitan
 (d) Salinan Sijil Berhenti Sekolah terakhir
 (e) Salinan sijil-sijil kelayakan akademik dan salinan transkrip bagi sijil yang berkenaan.
 (g) Gambar berukuran pasport.
 (4) Pegawai-Pegawai Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan mengemukakan sesalinan rekod Kenyataan Perkhidmatan (Buku Rekod Perkhidmatan Kerajaan ; BRP) yang terkini dan salinan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) yang disahkan.
 (5) Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak.
 (6) Hanya calon yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ini ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
 (7) Pihak Lembaga tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang perbelanjaan calon untuk proses temuduga jika berkaitan.

ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar kepada:

PENGARAH,
LEMBAGA URUS AIR SELANGOR,
TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,
NO. 3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
 (U/P : ENCIK MOHD TAHIR BIN AB TALIB)
 Sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari **22 Oktober 2018 (Isnin).**